



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Lawatan Penanda Aras Secara Virtual ke KKTm Lenggong, Perak dan UIAM Kuantan, Pahang bagi Tujuan Semakan Kurikulum AT112

Disediakan oleh
Yahutazi Bin Hj. Chik

Pandemik Covid-19 telah mempengaruhi kehidupan seharian dengan pendekatan norma baharu termasuklah aspek lawatan secara fizikal ke sesebuah institusi. Disebabkan situasi semasa pandemik Covid-19, pihak Pusat Pengajian Sains, Perlindungan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan lawatan penanda aras (benchmarking) secara maya ke Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong, Perak dan ke Kuliyah Sains Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan masing-masing pada pada 18 Disember 2021 dan pada 22 Disember 2021 yang lalu menggunakan platform Google Meet bagi tujuan penanda aras untuk semakan kurikulum program Diploma Pengeluaran Herba (AT112). Program penanda aras telah dilakukan ke atas dua program akademik peringkat Diploma yang ditawarkan oleh Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) Lenggong, Perak iaitu program Diploma Herba dan Hasil Semulajadi (Sains Herba) dan Diploma Herba dan Hasil Semulajadi (Pembuatan) manakala penanda aras bagi Program Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Tumbuhan Gunaan, yang ditawarkan oleh Kuliyah Sains Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan.

Objektif lawatan penanda aras ini dilakukan adalah untuk membuat perbandingan kekuatan dan kelemahan program Diploma Pengeluaran Herba berbanding program Diploma Herba dan Hasil Semulajadi (Sains Herba) dan Diploma Herba dan Hasil Semulajadi (Pembuatan), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), Lenggong, Perak dan program Program Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Tumbuhan Gunaan, yang ditawarkan oleh Kuliyah Sains Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan bagi tujuan semakan kurikulum ke arah High-End TVET@UiTM. Di samping itu, antara objektif lain lawatan penanda aras ini adalah untuk meningkatkan jalinan akademik dengan institusi akademik lain di Malaysia yang turut menawarkan program akademik dalam bidang herba. Selain daripada itu, lawatan akademik ini juga bertujuan untuk

mendapatkan input dan maklum balas daripada pihak Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) dan Kuliah Sains, UIAM Kampus Kuantan bagi tujuan penambahbaikan program Diploma Pengeluaran Herba (AT112).

Semua pihak yang berkepentingan terdiri daripada pensyarah sumber (Resource Person) dan juga pensyarah program telah dijemput untuk menghadiri sesi lawatan secara maya ini. Siri pertama lawatan penanda aras bagi tujuan semakan kurikulum AT112 ke KKTm Lenggong, Perak telah diketuai oleh Encik Muhammad Syukrie bin Hj. Abu Talip, Ketua Pusat Pengajian, Sains Perlindungan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Mukah. Turut hadir ialah Dr. Siti Nor Ain Seri binti Masran, Penyelaras UHEK UiTM Cawangan Sarawak, Cik Nur Ain binti Abu Bakar, Ketua Unit Kualiti, UiTM Kampus Mukah, dan Encik Yahutazi bin Hj. Chik, pensyarah kanan merangkap penyelaras bagi lawatan penanda aras. Selain itu, antara pensyarah sumber dan pensyarah program yang turut hadir terdiri daripada Dr. Mohamad Izwan bin Ismail, Puan Bebe Norlita binti Mohamed, Puan. Firus Musfirah binti Poli, Encik Mohd Hafizz Bin Wondji, Encik Muhammad Nasarudin bin Sulaiman, Cik Nurain binti Johar, Cik Nurul Syahirah binti Mansur, Puan Saiyidah Raffhanah binti Basri, dan Puan Suraiya binti Mahdian. Kehadiran daripada pihak KKTm Lenggong pula terdiri daripada Tn. Hj. Wan Sabri bin Wan Ismail, Pengarah, KKTm Lenggong, Perak yang telah membentangkan pengenalan KKTm Lenggong. Turut hadir ialah Puan Rosnani Binti Mohamed Rosdi, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik, KKTm Lenggong Perak. Sesi pembentangan telah dilakukan oleh Chm. Nur Farah Amalina, Ketua Program Diploma Herba & Hasil Semulajadi (Sains Herba) dan Puan Nor Liyana Binti Jaafar, Ketua Program Diploma Herba & Hasil Semulajadi (Pembuatan). Di samping itu, beberapa orang pegawai Latihan dan Vokasional, KKTm Lenggong, Perak turut hadir iaitu terdiri daripada, Puan Fatin Fathiah, Puan Husna Zulkifly, Encik Mohd Salleh bin Mohd Yusop, Puan Munirah Zulkhan dan Puan Nora binti Yusof.


Bagi siri kedua lawatan penanda aras ke Kuliah Sains, UIAM Kampus Kuantan pula,

delegasi lawatan juga diketuai oleh Encik Muhammad Syukrie bin Hj. Abu Talip, Ketua Pusat Pengajian, Sains Perlindungan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Mukah. Turut hadir ialah Encik Fairuz bin Dato Khalid, Timbalan Dekan HEP, Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi juga merangkap Pensyarah Sumber, Dr. Siti Nor Ain Seri binti Masran, Penyelaras UHEK UiTM Cawangan Sarawak, Cik Nur Ain binti Abu Bakar, Ketua Unit Kualiti, UiTM Kampus Mukah, dan En. Yahutazi bin Hj. Chik, Pensyarah Kanan merangkap penyelaras lawatan. Selain itu, pensyarah sumber dan pensyarah program yang turut hadir terdiri daripada Dr. Mohamad Izwan bin Ismail, Puan Bebe Norlita binti Mohamed, Puan. Firus Musfirah binti Poli, Encik Mohd Hafizz Bin Wondji, Encik Muhammad Nasarudin bin Sulaiman, Cik Nurain binti Johar, Cik Nurul Syahirah binti Mansur, Puan Saiyidah Raffhanah binti Basri, Puan Suraiya binti Mahdian dan Puan Nur Nabila Huda Aziz. Para peserta lawatan telah disambut dengan mesra oleh Profesor Madya Dr. Deny Susanti Darnis, Dekan Kuliah Sains, UIAM Kampus Kuantan. Sesi taklimat program Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Tumbuhan Gunaan telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Zarina binti Zainuddin selaku Ketua Jabatan Sains Tumbuhan dan juga Ketua Program, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kep.) Sains Tumbuhan Gunaan. Turut hadir membantu urusan lawatan adalah Cik Norsyahida binti Zaharuddin, Pegawai Tadbir, Kuliah Sains, UIAM Kampus Kuantan.

Sesi lawatan penanda aras yang dilakukan ke KKTm Lenggong dan UIAM Kampus Kuantan melihat lima aspek utama iaitu pengambilan pelajar, struktur kurikulum program, kebolehpasaran graduan, jumlah staf akademik dan sokongan dan kemudahan dan prasarana jabatan. Selesai sesi lawatan secara maya, delegasi rombongan dari UiTM telah diminta untuk mengisi google form bagi tujuan pelaporan perbandingan ke atas lima aspek tersebut dengan program Diploma Pengeluaran Herba. Dapatkan daripada lawatan penanda aras amatlah penting sebagai salah satu input bagi tujuan semakan kurikulum Diploma Pengeluaran Herba (AT112).



Sesi "group photography" bersama pihak KKTm, Lenggong Perak dan UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah



Sesi pembentangan oleh Prof. Madya Dr. Zarina Binti Zainuddin selaku Ketua Jabatan Sains Tumbuhan dan juga Ketua Program, Ijazah Sarjana Muda Sains (Kep.) Sains Tumbuhan Gunaan, Kuliah Sains, UIAM Kampus Kuantan